



IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Tanah Daerah Kulai:

- (a) Gelaran Jawatan : Penolong Pegawai Tanah
(b) Gred : NT5
(c) Kementerian/Jabatan : Pejabat Tanah Daerah Kulai
(d) Kump. Perkhidmatan : Pelaksana
(e) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
(f) Taraf Jawatan : Kontrak
(g) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
NT5	RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM 145.00

- | | | |
|-------------------------|---------------------------------|----------|
| (h) Elaun -Elaun | Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam | RM160.00 |
| | Imbuhan Tetap Perumahan | RM300.00 |
| | Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) | RM300.00 |

- (i) Kekosongan 3 Kekosongan

(j) SYARAT LANTIKAN

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Sijil dalam bidang Perancang Bandar dan Wilayah atau bidang berkaitan atau Sijil Ukur Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT5: RM1,650.00); atau

- ii. Diploma dalam bidang berkaitan atau Diploma Ukur Tanah atau Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT5: RM1,974.00).

(k) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(l) CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan jawatan adalah secara “*online*” dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/index.html>.
2. Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

(m) TARIKH PERMOHONAN: 15 MEI 2025 HINGGA 28 MEI 2025

CATATAN

1. Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
3. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.